ڤجابت جوروترا دائيره، جابتن كرجراي كينتا
PEJABAT JURUTERA DAERAH,
JABATAN KERJA RAYA KINTA,
JALAN CHARLETON,
30100 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

PERAK

JKR

Telefon : 05-527 7055
Faks : 05-527 8055
L. Web : www.jkrperak.gov.my

Ruj. Kami : Bil.(26)dlm. J.D. Kta.200-7/7/12 (C)
Ruj. Tuan : KUDR/KACP/A/01/25/0004(04)
Tarikh : 20 Februari 2025

RECEIVED
27 FEB 2025
KORIDOR UTILITI
DARUL RIDZUAN

Koridor Utiliti Darul Ridzuan,
B-G-9 & B-G-11, Greentown Suria,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
**30450 IPOH,**
**PERAK DARUL RIDZUAN.**

Tuan,

Tajuk Projek : Projek Penyediaan Point Of Presence (POP) Fasa 2 Hab Infrastuktur Gentian Optik Berhampiran Dengan Sekolah, Premis Kerajaan Dan Komuniti Sekitarnya Oleh Kementerian Komunikasi (Zon Utara – Perak & Kedah) Serahan Dokumen Lengkap Bagi Permohonan Kelulusan Izin Lalu ABC2134 - Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kampung Bali.
Lokasi : A112

Perkara : Permohonan Izin Lalu

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat tuan KUDR/KACP/A/01/25/0004(04) bertarikh 09hb Januari 2025 serta lawatan tapak pada 13hb. Februari 2025 adalah dirujuk.

2. Pejabat ini telah meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak tuan serta telah menjalankan pemerhatian di tapak. Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa pejabat ini **TIDAK DAPAT MEMPERTIMBANGAN** permohonan di atas untuk menjalankan kerja penanaman tiang di bahu jalan JKR berdasarkan justifikasi risiko terhadap jabatan dari segi kos dan masa bagi pengalihan tiang tersebut untuk sebarang pelebaran jalan pada masa akan datang serta isu melibatkan keselamatan pengguna jalan. Pihak tuan juga tidak dibenarkan memasang / menambat sebarang kemudahan milik tuan pada struktur jambatan milik JKR bagi mengelakkan sebarang risiko terhadap pengguna jalan serta aset kerajaan. Oleh itu pihak tuan disyorkan agar mencari alternatif lain bagi perkara di atas.

3. Walau bagaimanapun, pejabat ini **MEMBERI KEBENARAN** izin lalu kepada pihak tuan untuk **melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti** di kawasan terlibat. Sehubungan dengan itu, tarikh kebenaran izin lalu yang diberikan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tarikh Mula Izin Lalu | 17.02.2025 |
| Tarikh Tamat Izin Lalu | 16.08.2025 |

**"PERAK SEJAHTERA 2030"**

Ruj. Kami : Bil.(36)dlm. J.D. Kta.200-7/7/12 (C)
Ruj. Tuan : KUDR/KACP/A/01/25/0004(04)
Tarikh : 20 Februari 2025

4. Semasa tempoh ini masih berkuatkuasa, pihak tuan perlulah **mengemukakan permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti bersama dokumen-dokumen** yang diperlukan sebagaimana dalam Senarai Semak Permohonan Kelulusan/ Permit kepada pejabat ini selewat-lewatnya **satu (1) bulan sebelum Tarikh Tamat Izin Lalu**.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


**( Ir. ATIKAH BINTI MD RADZI )**
Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya Kinta
Perak Darul Ridzuan
Tel : 05-5277055
Faks : 05-5278055
Emel : kinta@jkr.gov.my


| KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD TINDAKAN / MAKLUMAN | |
| --- | --- |
| ☐ | KETUA OPERASI |
| ☐ | PENGURUS SUMBER MANUSIA |
| ☐ | KETUA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN |
| ☑ | PENGURUS KORIDOR NEGERI |
| ☐ | PEGAWAI KHAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN |
| CATATAN | |

PKN / Pn Nita
FYA
27/2/2025

s.k.

1. Pengarah Kerja Raya,
   Negeri Perak Darul Ridzuan
   **(u.p: Jurutera Awam Penguasa (Jalan)**
   *Surat sahaja untuk makluman*

(En. Kamarul & En. Wan)
OM & KETUA PERMIT
FYA

2. APEX Communications Sdn. Bhd.
   Tingkat 12 - Menara Hap Seng,
   Jalan P.Ramlee,
   **50250 KUALA LUMPUR.**

ڤجابت جوروترا دايره، جابتن كرجراي كينتا
PEJABAT JURUTERA DAERAH,
JABATAN KERJA RAYA KINTA,
JALAN CHARLETON,
30100 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-527 7055
Faks : 05-527 8055
L. Web : www.jkrperak.gov.my

Ruj. Kami : Bil.(24)dlm. J.D. Kta.200-7/7/12(C)JLD.3
Ruj. Tuan : KUDR/KACP/A/01/25/0004
Tarikh : 24 April 2025

Koridor Utiliti Darul Ridzuan,
B-G-9 & B-G-11, Greentown Suria,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
**30450 IPOH,**
**PERAK DARUL RIDZUAN.**

RECEIVED
29 APR 2025
KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN

Tuan,

Tajuk Projek : Projek Penyediaan Point Of Presence (POP) Fasa 2 Hab Infrastruktur Gentian Optik Berhampiran Dengan Sekolah, Premis Kerajaan Dan Komuniti Sekitarnya Oleh Kementerian Komunikasi (Zon Utara – Perak & Kedah) Serahan Dokumen Lengkap Bagi Permohonan Kelulusan Izin Lalu ABC2134 - Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kampung Bali. Lokasi : A112

Perkara : Rayuan Mengekalkan Kaedah Kerja Penanaman Tiang – Kelulusan Bersyarat bagi Kaedah Kerja Penanaman Tiang.

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat tuan ruj. KUDR/KACP/A/01/25/0004 bertarikh 11hb. April 2025 adalah dirujuk.

2. Pejabat ini telah meneliti justifikasi rayuan bagi permohonan di atas dari pihak pemohon dan Koridor Utiliti Darul Ridzuan (KUDR).

3. Oleh itu, pejabat ini memberikan **KELULUSAN BERSYARAT** bagi kaedah kerja penanaman tiang di atas dengan syarat :

i. Tidak menggunakan kaedah korekan secara terbuka pada pavement JKR,
ii. *Manhole / HDD Pit* / tiang / kemudahan utiliti milik tuan tidak dibina pada pavement JKR (perlu dibina pada kawasan *Green Area* di dalam kawasan ROW yang paling maksimum),
iii. Perlu mematuhi kesemua keperluan berkaitan di dalam Seksyen 85 Akta 333, Prosedur Permohonan Pemasangan Utiliti Di Jalan Persekutuan serta mematuhi perundangan lain yang berkaitan dari semasa ke semasa,
iv. Tidak dibenarkan memasang kabel secara *overhead* merentangi jalan,
v. Bagi kerja pemasangan utiliti merentangi jalan, hanya kaedah *Trenchless* sahaja dibenarkan,
vi. Pemasangan kabel *overhead* hanya dibenarkan untuk kabel yang selari dengan jalan sahaja,

Ruj. Kami : Bil.(24)dlm. J.D. Kta.200-7/7/12(C)JLD.3
Ruj. Tuan : KUDR/KACP/A/01/25/0004
Tarikh : 24 April 2025

vii. Sebarang kemudahan utiliti milik tuan tidak dibenarkan dipasang / ditambat pada struktur jambatan milik JKR bagi mengelakkan sebarang risiko kepada pengguna jalan serta aset kerajaan,

viii. Telah mengambilkira keperluan dan risiko lain yang wujud akibat dari jajaran utiliti pihak lain sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**( Ir. ATIKAH BINTI MD RADZI )**
Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya Kinta
Perak Darul Ridzuan
Tel : 05-5277055
Faks : 05-5278055
Emel : kinta@jkr.gov.my

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD
TINDAKAN / MAKLUMAN
KETUA OPERASI
PENGURUS SUMBER MANUSIA
KETUA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
PENGURUS KORIDOR NEGERI
PEGAWAI KHAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN
CATATAN

PKN / Pn Nita
Fya

s.k.

1. Pengarah Kerja Raya,
Negeri Perak Darul Ridzuan
**(u.p: Jurutera Awam Penguasa (Jalan)**
*Surat sahaja untuk makluman*

29/4/2025

2. APEX Communications Sdn. Bhd.
Tingkat 12 - Menara Hap Seng,
Jalan P.Ramlee,
**50250 KUALA LUMPUR.**

Operasi / permit
Surat pemakluman dan kenasihai tracker
29/4